

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1 (15)

Tarikh : 30 Jun 2016

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

PEKELILING MQA BIL. 2/2016

PENGGUNAAN STANDARD PROGRAM SAINS PERUBATAN DAN KESIHATAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, pada tahun 2008, Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency, MQA*) telah membangunkan Standard Program: Sains Perubatan dan Kesihatan (*Programme Standards: Medical and Health Sciences*) yang merangkumi 19 subbidang.

3. Sebelas (11) subbidang dalam standard program tersebut iaitu *Biomedical Sciences, Dietetics, Environmental Health, Health Care Management, Medical Imaging, Medical Laboratory Technology, Nutrition, Occupational Safety and Health, Occupational Therapy, Physiotherapy* dan *Radiotherapy* telah dikaji semula. Tiga (3) subbidang iaitu *Audiology, Forensic Science* dan *Speech Sciences* yang baru dikuatkuasakan penggunaannya pada tahun 2012 tidak dikaji semula memandangkan implikasi pelaksanaannya masih belum dapat dilihat dengan jelas. Lima (5) subbidang lain iaitu *Biochemistry, Genetics, Microbiology, Medical Social Work* dan *Health Promotion* didapati tiada keperluan untuk dikaji semula memandangkan permintaan terhadap penawaran program adalah sangat rendah. Selain itu, satu (1) subbidang baharu iaitu *Paramedical Sciences* telah dibangunkan bagi memenuhi keperluan permohonan yang semakin meningkat. Secara keseluruhan, Standard Program: Sains Perubatan dan Kesihatan yang baharu mengandungi dua belas (12) subbidang.

4. Untuk makluman, standard program ini menggariskan standard minimum pelbagai keperluan khusus bagi program sains perubatan dan kesihatan. Ia menjadi panduan kepada PPT dalam penawaran program sains perubatan dan kesihatan di institusi masing-masing. Ia digunakan oleh pegawai dan ahli panel penilai MQA dalam penilaian program. Pengamalan proses jaminan kualiti yang tepat, teratur, konsisten dan berpandukan standard program dapat memastikan keseragaman kualiti minimum graduan yang mengikuti program sains perubatan dan kesihatan di Malaysia.

5. Sehubungan itu, PPT yang menawarkan program sains perubatan dan kesihatan adalah tertakluk kepada penggunaan Standard Program: Sains Perubatan dan Kesihatan dalam menyediakan dokumen permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi. Sekiranya terdapat perbezaan antara standard program ini dengan mana-mana dasar atau standard lain yang ditetapkan oleh MQA, **standard yang lebih tinggi adalah terpakai.**

6. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap Standard Program: Sains Perubatan dan Kesihatan adalah seperti berikut:

BIL.	TARIKH	PERKARA
1.	1 Julai 2016 sehingga 30 Jun 2017	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi untuk mematuhi standard program.
2.	1 Disember 2016	<ul style="list-style-type: none">• Semua program baharu yang memohon Akreditasi Sementara termasuk komponen kurikulum perlu mematuhi standard program.• Semua program akan dinilai oleh MQA berdasarkan standard program.
3.	1 Disember 2016	Pengambilan pelajar perlu mematuhi syarat kelayakan masuk berdasarkan standard program.


7. Dimaklumkan bahawa keperluan khusus seperti hasil pembelajaran, reka bentuk dan penyampaian kurikulum dan sumber pendidikan bagi lapan (8) subbidang yang tidak dikaji semula iaitu *Audiology, Forensic Science, Speech Sciences, Biochemistry, Genetics, Microbiology, Medical Social Work* dan *Health Promotion* adalah **tidak berubah** dan kekal seperti yang terkandung dalam standard program terdahulu. **Walau bagaimanapun, perkara lain yang terkandung dalam standard program terdahulu harus mematuhi ketetapan yang dinyatakan dalam standard program yang baharu.**

8. Standard Program: Sains Perubatan dan Kesihatan boleh dimuat turun di laman web MQA, www.mqa.gov.my .

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang ikhlas,



(DATO' PROF. DR. RUJHAN BIN MUSTAFA)

Emel: mrujhan@mqa.gov.my

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
4. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 7, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
5. SUSK YB Menteri Pendidikan Tinggi
Pejabat Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
6. SUSK YB Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi
Pejabat Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA

7. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR

8. Ketua Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR